

# Dasar 4IR Negara bantu Malaysia maju dalam ekosistem digitalisasi

Julai 5, 2021 @ 12:22pm



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed

KUALA LUMPUR: Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (Dasar 4IR Negara) yang dilancarkan Khamis lalu menjadi satu dasar penting untuk dilaksanakan dalam usaha menyelaraskan semua inisiatif kerajaan bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam ekosistem digitalisasi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata Dasar 4IR Negara itu akan memberi faedah kepada rakyat, sektor pemiagaan dan kerajaan.

Beliau berkata, fokus kerajaan juga bagi meningkatkan kesedaran pentingnya rakyat menerima guna teknologi seiring perkembangan semasa yang turut berlaku di seluruh dunia.

"Kita tidak banyak mencipta teknologi seperti negara maju iaitu China, Jepun, Korea Selatan dan Eropah. Jadi, kita berharap mempunyai lebih ramai rakyat Malaysia mampu mencipta dan mewujudkan teknologi menerusi Dasar 4IR Negara," katanya dalam temu bual dalam program Malaysia Hari Ini diterbitkan TV3.



**TERKINI** | PILIHAN PEMBACA

- 4m 10 rumah rosak di Beluran musnah dilanda ribut
- 33m EURO: Kami perlukan anda - Enrique
- 36m Roboh jambatan halang penguat kuasa musnah kebun
- 40m COPA: Brazil tempah tiket ke final
- 46m Duterte beri pingat keberanian mangsa nahas pesawat
- 7h EURO: Jorginho seperti Busquets - Azpilicueta
- 7h Bergelut kenal pasti lokasi mangsa tanah runtuh
- 7h Peraturan baharu diwartakan, tertakluk fasa PPN

**DIY Home Project**

**Deals under RM100**

Free delivery

**SHOP NOW**

Mustapa berkata, kerajaan juga dapat menggabungkan segala usaha dan bertindak menerusi kaedah yang diselaras mengikut Dasar 4IR Negara.

"Kita juga ingin memastikan pada 2050, kerajaan dapat mendigitalkan perkhidmatan kerajaan dan memahirkan setiap penjawat awam dalam bidang ini mengikut Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia," katanya.

Dasar 4IR Negara bertujuan mempertingkatkan keupayaan Malaysia, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing.

Ia digubal berpaksikan kemanusiaan supaya teknologi dimanfaatkan tanpa mengorbankan nilai kemanusiaan, sosial dan warisan budaya, selaras matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 9 (WKB 2030) untuk mencapai kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi yang inklusif, seimbang dan mampan.

Empat teras utama menyokong dasar ini iaitu melengkapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan 4IR; membentuk negara mempunyai kesalinghubungan melalui pembangunan infrastruktur digital; menyediakan peraturan sesuai keperluan masa dan fleksibel dengan perubahan teknologi serta mempercepat inovasi serta penerimgunaan teknologi 4IR.

Dasar ini akan menyediakan prinsip panduan utama dan hala tuju kementerian serta agensi dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan bagi mengoptimumkan pengagihan sumber, selain penyelarasan pelaksanaan dalam perkara berkaitan teknologi pesat membangun yang akan memberi manfaat kepada rakyat, sektor swasta dan awam.

Ia juga menyokong dasar pembangunan negara seperti WKB 2030, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan melengkap Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dalam mendorong pembangunan ekonomi digital. – BERNAMA



**NASIONAL** Jul 5, 2021 @ 4:10pm  
Sela masa vaksinasi bekas pesakit COVID-19 ditentukan minggu ini



**NASIONAL** Jul 5, 2021 @ 3:55pm  
Vaksinasi: Sakit kepala, keletihan antara kesan sampingan sering dilaporkan



**NASIONAL** Jul 5, 2021 @ 3:08pm  
Warga emas 97 tahun lengkap dua dos vaksin



**NASIONAL** Jul 5, 2021 @ 1:48pm  
'Utamakan pelanggan lengkap dos vaksin'



**AMERIKA** Jul 5, 2021 @ 1:33pm  
AS sedia guna suntikan 'booster' jika